

As-Syeikh Tantawi menjelaskan

RAHSIA AL-QURAN -DARI SEGI ILMU DAN FALSAFAH

Dalam majalah Qalam bilangan 10 dan 11 yang lalu telah diturunkan bagaimana pandangan umat Mesir dan ahli-ahli pengetahuan Barat kepada Tantawi Jauhari itu maka di bawah ini diperturunkan pula pandangan bangsa Indonesia kepada Almarhum itu sebagaimana yang tersiar di dalam majalah "Panji Islam" Medan dalam keluarannya bertarikh 18 Mac 1940 – dengan diubah sedikit lenggok bahasanya.

(Oleh Abdullah Basmeh)

Dalam ruangan "Pandu Dunia " dan di bawah tajuk "Sheikh Tantawi Jauhari" maka panji Islam telah menulis Dengan sekonyong-konyong langit yang cerah jelita telah diselimuti oleh awan mendung yang menyayu menyedihkan hati. Dunia Islam dan Benua Timur umumnya yang berada di dalam tenang sentosa, telah dikejutkan oleh berita kemangkatan filsuf timur yang terbesar, jaguh ilmu Islam, dan seorang ulama Mesir yang namanya meliputi seluruh alam, ialah Almarhum Sheikh Tantawi Jauhari.

Pada mulanya kita tidak hendak percaya akan berita berkabung itu sempat radio Mesir memancarkannya keseluruhan dunia. Kita tidak hendak percaya, kerana tidak sampai pun telegram "Reuter" mengawankannya dan tidak pula sedikit terbetik berita itu di dalam telegram "Anita" tetapi kemudian, mahu tidak mahu kita harus percaya sesudah perkumpulan pemuda kita di Al-Kaherah menceritakan maklumat tanda berkabung atas kemangkatan philosoph timur yang terbesar itu. Buat kita di Indonesia, khususnya bagi kita dari "Panji Islam". Masih belum lepas dari buah bibir kita tulisab beliau yang berharga pada delapan bulan



Bapa falsafah Islam

Al Alamah Tantawi Jauhari

-----*-----*-----

yang lalu, sebagai sumbangan bagi bilangan perayaan lima tahun panji Islam ini.

Walau bagaimanapun kita hendak membantah, kerana cinta dan kasih kita kepada Almarhum itu, tetapi Sheikh Tantawi yang tercinta itu tetap sudah meninggal dunia, meninggalkan kita buat selama-lamanya. Jenazah beliau diiringkan orang beramai-ramai di Kaherah ke tempat perhentian beliau yang penghabisan.

Sejak dari alam ulama sampai kepada Pembesar Negeri, sejak dari penjaga-penjaga ilmu sampai kepada pemuka-pemuka politik dan pergerakan, sejak dari murid pelajar sampai kepada

guru dan profesor, dan sejak dari rakyat bawahan sampai kepada bangsawan tinggi Mesir, semuanya menunjukkan penghormatan yang penghabisan kepada Almarhum itu, menyudahi kekaguman mereka kepada kecekapan beliau selama ini dengan satu kenang-kenangan yang akan dilukis dengan tinta emas di dalam sejarah Mesir, sejarah dunia Islam dan Benua Timur, bahkan sejarah dunia seluruhnya.

Sudah berapa kali dunia Islam kehilangan pahlawan dan penjaga yang besar dizaman yang akhir ini, tetapi dengan mangkatnya allahyarham Sheikh Tantawi, seluruhnya merasakan kesedihan yang dalam, yang tidak dapat dibayangkan dengan tulisan atau perkataan. Semenjak hilangnya Syed Jamal

Al-Din Al Afghani dari Afghanistan, Sheikh Muhamad Abduh dan Syed Rasyid Redha dari Mesir, Kamal Artaturk dari Turki dan King Faisal dan kemudiannya King Ghazi dari Iraq, maka sekarang berita musibah (kemalangan - P) yang sangat mengharukan hati itu datang lagi dari Mesir, iaitu mangkatnya Sheikh Tantawi.

Sebagai tanda turut berduka cita atas kemangkatan Almarhum itu maka "Perpindom" (Perkumpulan pelajar-pelajar Indonesia di Mesir - P) telah menyiarkan maklumat berkabung Seperti di bawah ini :

.....Dunia beredar, zaman berputar, manusia saling bertukar, bila datang ajal, tak seorang dapat mengelakkannya....
"Begitulah dunia mendung, awan awan menutup langit yang jernih menunjukkan duka cita pemimpinnya sudah sampai doa atasnya ibarat lampu menyala tela habis minyaknya. Pagi-pagi subuh Jumaat sedang fajar menyingsing dan kokok ayam berdiri-diri, menunjukkan riwayat Almarhum sudah ditutup, dan pintu telah dikunci, hitungan telah selesai. Bapa falsafah Islam menghembuskan jiwanya yang penghabisannya. Sheikh Tantawi Jauhari Rahimallah, yang telah masyhur di sekitar ulama Islami, begitu juga di negeri kita Indonesia. Banyak karangan-karangan beliau dan fikiran-fikiran dan ilmunya yang telah dikecap oleh bangsa Indonesia dan pujian beliau kepada bangsa ini ia katakan:

"Kalau timur naik, Indonesialah puncak budi pekerti dan kemajuan!"

Ia banyak juga bergaul dan berpidato diperkumpulan Pelajar-pelajar Indonesia di Mesir dan menolong dalam sesuatu kepentingan.

"Karangan-karangan beliau tersohor di seantero dunia Islam dan Eropah. Beliau pernah berkata :

"Saya bukannya perangi Eropah dengan senjata tetapi dengan runcing mata pena"

Beliau dalam masa hidupnya rajin dan tegas, pintar menulis dan kuat peringatan dan perhatian, bersungguh-sungguh dalam sesuatu perkara. Ialah seseorang yang telah menebarkan

perasaan cinta bangsa, dan mengerakkan ummah mendirikan perkumpulan-kumpulan dan lain-lain.

"..... Mudah-mudahan Tuhan memberi kelapangan kepada beliau disana (akhirat- p) dan mendapat balasan dari jasa-jasa yang telah ditinggalkannya didunia, Amin." – kata maklumat "Perpindom" itu dan seterusnya "Panji Islam" menyambung :

Seluruh dunia berhutang budi kepadanya, dan sebab itu berita kemangkatannya disambut dengan kesedihan yang sangat dalam oleh mereka. Karangan-karangan beliau yang sangat berharga tersebar beratus-ratus ribu di tengah-tengah masyarakat umat Islam sedunia. Banyak sekali cetak berpuluh-puluh ribu. Dicetak berulang-ulang kali dalam bahasa Arab untuk memenuhi hajat umat yang dahagakan kepada penerangannya itu. Dari bahasa Arab disalin ke dalam bahasa-bahasa lain yang dipakai oleh umat Islam ditempat lainnya, ke dalam bahasa Urdu dan India (dan Pakistan), bahasa Parsi di Iran dan Afghanistan, Turki di Turki dan di Albania, bahasa Cina di negeri China... bahasa Indonesia di tanah air kita ini. Bahkan tidak sedikit dari kitab-kitabnya yang disalin ke dalam bahasa Eropah, seperti bahasa Inggeris, Itali, German dan lain-lainnya. Jadi walaupun jasad beliau sudah tidak ada lagi, tetapi cita-citanya, haluanannya, dan ilmu pengetahuannya sentiasa hidup menyala di dalam perpustakaan dunia..."

Sekianlah siaran majalah " Panji Islam" itu, yang telah menggambarkan kepada kita bagaimana penghargaan umat Islam umumnya dan setengah daripada orang-orang asing khususnya terhadap jasa pena Al-alamah Tantawi Jauhari yang dikasihi itu.

Dengan tersiarnya tiga buah rencana dalam tiga keluaran majalah Qalam yang berturut-turut ini bermakna kita di sebelah sini telah bertambah kenal kepada al-alamah itu dan apabila bertambah kenal tentulah pula bertambah cinta kepadanya dan tertarik kepada buah penanya yang akan dihidangkan di dalam majalah ini dari satu ke satu masa, insya-Allah.